

Bil. 16

Selasa

14 Ogos 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1) Wabak Rabies Berleluasa di Sarawak	[Halaman 1]
UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:	
○ Pembinaan Kompleks Sukan Tenom - <i>YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)</i>	[Halaman 12]
○ Masalah Bekalan Air di FELDA Bukit Sagu - <i>YB. Tuan Mohd Shahr Bin Abdullah (Paya Besar)</i>	[Halaman 15]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 14 Ogos 2018**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)**

Wabak Rabies Berleluasa di Sarawak

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini.

Saya sekarang memulakan perbahasan Usul, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit.

Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat yang akan berbahas, oleh itu saya mengehendkan masa perbahasan untuk Yang Berhormat Bandar Kuching 15 minit, Yang Berhormat Puncak Borneo 15 minit, dan Yang Berhormat Menteri akan menjawab mulai lebih kurang pukul 3 petang sehingga 3.30 petang selama 30 minit.

2.35 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sekarang saya cuma ingin membincangkan tentang satu perkara yang penting yang berlaku di Sarawak sekarang.

Di Sarawak sekarang, kita sedang menghadapi satu wabak rabies yang berleluasa di mana kes pertama telah disahkan di satu kampung di Serian setahun lalu di bulan Jun. Akan

tetapi sampai sekarang, wabak tersebut masih tidak dapat dikawal secara efektif dan telah merebak ke beberapa tempat di Sarawak sampai menjangkiti manusia sehingga menyebabkan kematian.

Sehingga sekarang, jumlah kes jangkitan manusia yang telah disahkan di Sarawak adalah 11 orang, di mana 10 orang telah meninggal dunia dan seorang kanak-kanak walaupun terselamat, sekarang telah mengalami masalah saraf atau dengan izin, *neurological problems*, dan sekarang terpaksa bergantung kepada mesin *life support* di rumah.

Sehingga sekarang, 177 sampel daripada 166 ekor anjing, dan 11 ekor kucing, daripada 620 sampel yang telah dihantar, telah disahkan positif dengan virus rabies ini melalui FAT dan PCR test.

Sejak tahun lalu, apabila kes-kes awal ini telah dikesan, satu jawatankuasa *Sarawak Disaster Management Committee*, dengan izin, yang diketuai Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak telah ditubuhkan untuk mengendalikan prosedur pengawalan jangkitan tersebut agar tidak merebak ke kawasan lain dan juga tidak menjangkiti orang ramai.

Jadi sejak hari pertama, jawatankuasa tersebut telah berulang kali mengeluarkan kenyataan umum dan menyatakan bahawa keadaan adalah terkawal. Akan tetapi, kenyataan tersebut tidak berapa menggambarkan sepenuhnya keadaan sebenar *or the news on the ground*, dengan izin.

Saya berikan contoh pada 5 Julai 2017, Datuk Amar Douglas Uggah Embas telah berkata bahawa keadaan jangkitan tersebut adalah terkawal, dan yakin bahawa *standard operating procedure* (SOP) dengan izin, yang digunakan boleh mengawal wabak itu daripada merebak.

Pada masa itu, hanya lima kampung di kawasan Serian telah disahkan kawasan jangkitan rabies atau *rabies infected areas* dengan izin, tetapi semenjak itu, wabak itu telah merebak ke beberapa kawasan di seluruh Sarawak. Sekarang berdasarkan maklumat yang saya peroleh pada 5 Julai 2018, lebih 33 kawasan telah disahkan kawasan jangkitan rabies merangkumi kawasan-kawasan bukan sahaja di Serian, tetapi juga di Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Sarikei.

Pada 20 Mei tahun ini, *the Department of Veterinary Services*, dengan izin, *acting Director* Dr. Adrian Susin ak Ambud telah berkata bahawa mereka telah mengawal penyakit tersebut, mengurangkan jumlah gigitan dan tidak ada kes baru lagi. Walaupun di Parlimen juga Ahli Parlimen kita telah membawa usul ini, membawa perkara ini, berbahas, bertanya kepada kerajaan lalu, sentiasa jawapan sama iaitu keadaan masih terkawal.

Akan tetapi, kita mendapat pelbagai laporan ada lagi kes baru di mana beberapa hari dahulu, ada kes positif yang dikesan melibatkan seekor anjing dari Kampung Sungai Agas Baru, Batu 12, *Matang Road*, Kuching yang berlaku pada 31 Julai; seekor kucing di Jalan Padungan juga pada 31 Julai; seekor anjing di Lane 6, Hakka Avenue di Kuching; dan seekor anjing di Kampung Bumbok, Jalan Batu Kitang, Kuching telah dilaporkan. Ini semua kes baru, walaupun mereka mengatakan penyakit itu telah dikawal.

Jadi, sekarang kita mendapat pelbagai *conflicting reports*, dengan izin, kenyataan umum kata dikawal, tetapi kita diberitahu oleh pelbagai pihak, *including other veterinarians* atau doktor haiwan, dan pihak-pihak lain yang mana masih terdapat kes-kes baharu, dan jangkitan baharu yang tidak dilaporkan.

Pagi ini juga, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak telah mengeluarkan satu kenyataan menyatakan bahawa keadaan masih terkawal juga kerana jangkitan belum merebak ke kawasan lain termasuk Miri, Sibul, Limbang, Bintulu dan Kapit.

■1440

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan rasa terima kasih. *I want to express my gratitude* kepada pegawai-pegawai veterinar yang telah bekerja keras. Ada yang bekerja lebih masa-*overtime*, dan *put themselves on the frontline*, mengambil risiko untuk mengawal gejala ini. Walaupun mereka kekurangan tenaga kerja.

Namun jika benar jangkitan ini terkawal, ia tidak akan merebak sejak tahun lalu dari tempat pertama ia dikesan iaitu di Serian. Ini jelas menunjukkan bahawa keberkesanan apa yang dilakukan, SOP yang dituruti oleh jawatankuasa negeri tersebut boleh dipertikaikan, boleh diragui kerana jumlah gigitan tidak berkurangan. Pengawalan populasi haiwan tersebut tidak mencapai *target* dan kita juga menerima laporan bahawa beberapa syor WHO untuk menangani wabak ini juga tidak diikuti.

Saya juga diberitahu bahawa pelbagai NGO-NGO antarabangsa telah datang berjumpa dengan pihak kerajaan negeri untuk- *to express their support and their help to us, to give offer helps* kepada kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri telah menolak *their offer of help*, dengan izin.

Saya juga menerima satu laporan, saya diberitahu pihak ARSM di mana mereka memberi satu bantuan kepada kerajaan negeri agar mereka dapat plot kawasan jangkitan. Jika kita dapat plot kawasan jangkitan, kita dapat meramal bagaimana jangkitan akan menular, *whether it was spread* dan kita boleh mengambil langkah yang betul dan yang efektif untuk mengawal keadaan tersebut. Namun saya diberitahu kerajaan negeri juga tidak menerima *that offer*.

Ada pelbagai masalah yang kita hadapi untuk mengawal wabak ini. Seperti saya beritahu kes pertama telah dikesan tahun lalu. Syor yang dikemukakan, kita haruslah melakukan *mass vaccination*, satu vaksinasi di sesuatu tempat spesifik sebanyak dua kali satu tahun. Ini kerana kita tahu tabiat membiak anjing, biasanya dalam setahun mereka akan membiak dua kali. Jadi jika anjing membiak, anak-anak anjing tersebut juga *expose to this danger* dan juga *post a thread to the public*, dengan izin.

Kita juga diberitahu, ada anjing yang telah divaksinasi juga *tested* positif, juga dikesan positif dengan penyakit ini. Jadi anak-anak anjing yang dilahirkan, apa yang kita boleh buat untuk mengawal keadaan tersebut? Saya hanya tahu bahawa kerajaan negeri memulakan *their second round of vaccination* pada bulan Julai ini, satu tahun selepas kes pertama dikesan di Serian. Jadi apa yang dilakukan untuk anak-anak anjing ini? *Should we spay or neuter*, dengan izin. Bagaimana implementasinya? Bagaimana kita mahu menyelia implementasi tersebut.

Pada pendapat saya, *door-to-door vaccination* adalah memang lebih berkesan kerana kita dapat *cover a bigger area, and a bigger population of dogs* tetapi dengan itu memang ada masalahnya juga tentang kos, tentang *implementation* dan tentang *manpower*. Jadi saya hendak tanya adakah kerajaan ada satu pelan untuk menangani masalah tersebut.

Mass vaccination yang saya sebut tadi juga ada keraguan yang dilakukan. Sekarang apa yang dilakukan oleh jawatankuasa tersebut mereka akan pilih beberapa kawasan di kawasan wabak tersebut untuk membuat *mass vaccination*. Mereka akan buat satu pengumuman umum untuk semua pemilik anjing untuk datang dan mereka akan beri suntikan vaksinasi secara percuma. Memang akan mengalu-alukan inisiatif ini. Ini satu inisiatif yang bagus. Akan tetapi *mass vaccination* ini bergantung kepada sama ada pemilik akan membawa anjing mereka ke kawasan tersebut untuk mendapat vaksinasi.

Mungkin pemilik ada anjing di kawasan tersebut yang tidak ada pemilik atau pemilik tidak ada pada masa itu, pada masa *mass vaccination* tersebut. Jadi anjing itu tidak mendapat suntikan yang diperlukan. Jadi soalan harus ditanya adakah kenyataan bahawa jika *mass vaccination* dilakukan di tempat itu, adakah kita yakin langkah itu telah *cover the required areas*, dengan izin, ataupun sebenarnya kita kata kita telah *vaccinated 100 percent of the dogs here*, dengan izin, tetapi sebenarnya hanya melibatkan anjing yang dibawa oleh pemiliknya dan kita sebenarnya hanya mungkin memberi suntikan kepada 10 peratus daripada anjing yang ada di situ.

Saya faham keperluan untuk *maintain the peace*, dengan izin, *and not to create chaos among the public* tetapi ini juga hak rakyat Sarawak untuk mengetahui keadaan sebenarnya supaya kita sebagai rakyat boleh melakukan apa yang perlu. Contohnya jika sentiasa berkata

keadaan sentiasa terkawal, orang awam tiada *urgency* dan motivasi untuk melakukan apa yang perlu termasuk membawa anjing peliharaan mereka untuk disuntik untuk kali yang kedua.

Saya mengambil tahu yang langkah-langkah pencegahan masih giat dilakukan di kawasan-kawasan berdekatan termasuk Sibul dan Miri. Sehingga sekarang sejumlah 72,108 ekor anjing, 8,151 ekor kucing, dan 53 ekor haiwan lain telah diberikan suntikan vaksin dan pelbagai program-program kesedaran dan pencegahan telah dilakukan tetapi masih tidak mencukupi untuk mengawal wabak ini. Antara masalah yang sering saya dengar apabila saya bercakap dengan Jabatan Veterinar Sarawak, mereka bercakap sebab kekurangan tenaga kerja.

Jadi masalah yang kita ada sekarang pada 12 Ogos 2018, Datuk Amar Douglas Uggah telah mengaku dan memaklumkan kepada pihak media bahawa walaupun masih ada kes-kes baru jangkitan rabies di Sarawak. Sekarang dia mengaku—dulu cakap tidak ada kes baru, keadaan terkawal. Sekarang dia cakap ada kes-kes baru tetapi dia seolah-olah menyalahkan Kerajaan Persekutuan kerana mengikut beliau pihak Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Veterinar telah menghentikan penghantaran pegawai-pegawai veterinar sejak bulan Mei lalu untuk membantu kerajaan negeri untuk menangani masalah ini dan mengawal wabak ini daripada merebak.

Mengikut beliau alasan yang diberikan adalah disebabkan kekurangan dana. Beliau juga bagaikan seperti saya cakap tadi, menyalahkan Kerajaan Persekutuan dalam isu ini walaupun jawatankuasa yang diketuai beliau yang tidak mampu mengawal keadaan tersebut. Namun begitu jikalau boleh, saya ingin meminta Kerajaan Persekutuan untuk bersama-sama kita menangani masalah ini. Walaupun saya faham kita kekurangan dana disebabkan ketirisan Kerajaan Barisan Nasional yang lalu tetapi ini melibatkan nyawa, nyawa anak-anak kita.

Kita dimaklumkan kos yang diperlukan hanya kos yang ditanggung mengenai kos kapal terbang dan mungkin *allowance-allowance* lain. Jadi kos sebenarnya mungkin tidak berapa tinggi. Namun begitu, walau apapun kosnya, ini melibatkan nyawa orang ramai. *No price should be put on that*, dengan izin. Ini adalah satu perkara yang penting. Saya juga ingin menyeru kementerian agar mengadakan satu *external audit*, dengan izin, agar dijalankan terhadap usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dan DBS negeri.

Bukan untuk menghukum tetapi satu laporan yang telus di mana kita dapat mengenal pasti apa yang perlu ditingkatkan, *to scrutinize*, dengan izin, apa yang telah dilakukan dan juga menilai jika ia telah mengikut standard nasional mahupun antarabangsa. Dalam masa satu tahun ini, soalan harus ditanya dengan duit yang dibelanjakan, *resources* yang digunakan adakah ia berkesan untuk menangani masalah ini?

Jika boleh saya juga ingin menyeru jika *National Disaster Management Agency* (NADMA), dengan izin, boleh memberi bantuan untuk menolong menangani masalah ini. Bak kata pepatah Melayu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Wabak ini semakin berleluasa dan melibatkan kepentingan awam bukan sahaja di Sarawak tetapi jika tidak dikawal boleh merebak ke negeri-negeri lain dan yang paling dekat Sabah, berdekatan dengan saya juga. Kita tidak mahu melihat kes-kes ini berlaku lagi. Ada sepuluh kematian sudah.

■1450

Satu kematian- *one death is too many*. Ini penyakit yang boleh dicegah. Jika jawatankuasa tersebut dan kerajaan negeri yang bertanggungjawab mengawal, telah melakukan apa yang diperlukan- *put more urgency in this matter, I believe this issue won't be an issue till today*, dengan izin. Jadi, saya tidak- saya ingat mengetepikan politik yang ada. Akan tetapi, saya menyeru agar kita boleh bersama-sama menangani masalah ini kerana nyawa anak-anak kita dan orang-orang, kita tidak mahu apa-apa nyawa, termasuk anak-anak kita terkorban lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puncak Borneo, 10 atau 15 minit.

2.50 ptg.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I think* apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, saya rasa beliau telah memberi runkaian yang cukup lengkap.

Jadi, saya rasa, dengan izin *most of the thing that I'm going to say is more or less the same within the same scope. But, I think the most important thing is- I think the state government should not blame the Federal Government because... [Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Bahasa Malaysia.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Oh! Bahasa Malaysia. *Sorry, I'm so used to it.* Okey.

Ini kerana perkara ini ia adalah melibatkan kepentingan, bukan sahaja kepentingan negeri Sarawak tetapi seluruh negara. Jadi, jika saya lihat daripada permulaan titik sejarah bagaimana penyakit rabies ini datang ke negeri Sarawak, ia adalah penyakit import iaitu yang dimulakan daripada Kalimantan. Saya difahamkan begitu.

Oleh sebab, penguatkuasaan oleh agensi veterinar ataupun agensi-agensi yang telah diamanahkan untuk membuat kerja penguatkuasaan tidak dilakukan dengan begitu mampan. Oleh itu, menyebabkan perkara ini boleh berlaku.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh saya tidak ada, saya tidak tahu sama ada dari segi undang-undang ataupun apa. Ada baiknya, jika kita menyeru supaya semua pemilik-pemilik haiwan ternakan ini *especially*, dengan izin, seperti *cats, dogs and so on* supaya didaftarkan. Sebab kenapa ia perlu didaftarkan? Sebab kalau ia didaftarkan, kita tahu kuantum ataupun jumlah ternakan ini dan kita juga boleh tahu kos untuk membuat *mass vaccination*, dengan izin. So, jika kita tidak mempunyai jumlah, kita tidak tahu kos dan kita tidak akan tahu di mana lokasi-lokasi haiwan ternakan ini. Jadi, jika kita membuat *random vaccination*, dia tidak akan membantu kita sama sekali. Kita harus belajar daripada negara-negara maju, yang macam mana mereka melakukan kerja *enforcement* untuk *eradicate* gejala rabies ini.

Sebagai contoh di Pulau Pinang, mereka sangat berjaya untuk menghapuskan penyakit rabies ini. Ini kerana mereka *very determine*. Akan tetapi, di negeri Sarawak mereka kata perkara ini terkawal, dan apabila dia kata terkawal, dan rakyat negeri Sarawak itu sendiri, dengan izin, tidak ada *sense of urgency*. *Because to them, so be it. You know. It's* terkawal. *There is no sense of urgency*, dengan izin. So, saya memohon supaya kemungkinan ada cara-cara untuk kita memberi penekanan kepada kerajaan negeri untuk daftarkan haiwan-haiwan ternakan ini dan juga untuk memberi *mass vaccination*.

Dan juga kalau boleh Kerajaan Pusat juga boleh membantu dari segi dana dan juga daripada segi kepakaran untuk membantu negeri Sarawak untuk membasmi gejala rabies ini supaya ia tidak berleluasa. Sebab sekarang ini, sudah 10 nyawa terkorban dan saya setuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa perkara ini boleh dihentikan. Sebab ia terpulang kepada diri kita sendiri dan cara kita mengatasinya. Akan tetapi, saya lihat tidak ada kesungguhan mahupun daripada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan untuk terus mengambil inisiatif-inisiatif positif untuk membantu rakyat negeri Sarawak untuk membasmi gejala rabies ini.

Tuan Yang di-Pertua. Saya juga melihat bahawa tidak adanya penguatkuasaan daripada segi kuarantin. Sebagai contoh, pada hari ini di media sosial, kita boleh nampak jual beli haiwan ternakan ini ataupun *pets animal*. So, daripada internet dan sebagainya. Sebagai contoh, adalah amat mudah untuk mereka mendapatkan daripada negara-negara jiran tanpa dibuat kuarantin dan perkara yang sepatutnya dibuat. Ini juga mengundang penyakit yang dibawa oleh haiwan ternakan ini tadi untuk akan tersebar ataupun merebak di kawasan negeri Sarawak ini.

Jadi, kita mesti ada satu polisi ataupun kalau boleh saya tidak tahu daripada segi undang-undang sama ada kita ada *law for us to enforce this*. *But*, ini terpulang kepada pihak kementerian

dan agensi-agensi yang terlibat supaya memberi penekanan yang cukup kuat supaya kita boleh *stop all this*.

So, saya rasa apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching telah merangkumi apa yang saya ingin katakan juga dan saya rasa tidak perlu untuk saya mengulangi lagi dan saya rasa itu sahaja perbahasan saya hari ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

2.57 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching dan juga pembahas Yang Berhormat Puncak Borneo yang mengambil bahagian di dalam Usul 18(1) yang kita fokus hari ini untuk membincangkan isu wabak rabies yang sedang melanda negeri Sarawak khususnya. Kalau boleh janganlah menyeberang ke Banjaran Crocker dan harap tidak menyeberangi Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan Yang Berhormat Bandar Kuching khususnya, yang begitu bertanggungjawab untuk membawa isu ini ke Dewan Rakyat. Saya sebagai Yang Berhormat Menteri Persekutuan, faham akan beberapa sensitiviti. Maklumlah, di Persekutuan, dipanggil dalam Kabinet Menteri Pertanian, Menteri Pendidikan. Di Sarawak juga statusnya adalah juga Menteri. Demikian juga, Sabah. Begitulah, tingginya martabat yang diangkat oleh kedua-dua negeri ini yang diperakui oleh Perlembagaan dalam negara kita.

Oleh itu, saya cukup menjaga tentang sensitiviti ini. Tanggungjawab bagi memastikan hubungan baik dan harmoni ini diteruskan. Apa jua isu, saya faham ia terkandung dalam Jadual Kesembilan, dengan izin, disebut *Concurrent List*. Ada tanggungjawab Persekutuan dan ada tanggungjawab negeri, dan ada Senarai Negeri yang kami mesti mengambil tanggungjawab kerana isu rabies dan seumpamanya, dengan izin, *it is beyond politics*.

Apa yang telah dibangkitkan tadi begitu penting bagi saya sendiri. Di mana, Jabatan Veterinar di bawah kementerian ini pada 30 Jun 2017, tiga kes disahkan pada manusia di Serian, Sarawak, satu kes di Kampung Lebur, dan dua kes di Kampung Paun Rimu, Bakung.

■1500

Bagi status jangkitan kepada haiwan, sehingga kini terdapat penemuan dua kes baru rabies pada 3 Ogos 2018, dan empat kes lagi pada 6 Ogos 2018 yang dikesan oleh pihak Institut Penyelidikan Veterinar (VRI). Jumlah keseluruhan kes positif ada sebanyak 177 dari 620 sampel yang telah diuji yang melibatkan lokasi kes positif sebanyak 33 kampung dari lima bahagian iaitu Serian, Sri Aman, Kuching, Samarahan dan Sarikei.

Secara keseluruhan pada 4 Julai 2017 sehingga 12 Ogos 2018 rumusan tindakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mengawal wabak rabies adalah seperti berikut; pemantauan pasif dan aktif dalam lingkungan 10 kilometer radius dari lokasi yang disahkan rabies dengan bilangan sebanyak 80,559 ekor haiwan telah di periksa. Pecahan haiwan 69,665 ekor anjing dan 10,894 ekor kucing.

Rabies adalah penyakit anjing gila- nanti orang tanya, kenapa kucing. Kucing dan anjing selalu gaduh [*Ketawa*] Jadi bila gaduh anjing gigit kucing, kucing itu juga boleh menjadi pembawa rabies.

Jumlah haiwan yang telah divaksin dalam operasi pemvaksinan adalah sebanyak 72,084 ekor. Jumlah haiwan yang telah di musnah dalam operasi pemusnahan adalah sebanyak 8,335 ekor anjing dan 168 ekor kucing yang disyaki rabies. Jumlah penyertaan dalam kempen kesedaran awam rabies adalah sebanyak 52,160 orang penduduk.

Sehingga kini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan sebanyak 33 kawasan jangkitan wabak rabies di lima bahagian iaitu bahagian Serian 22 kawasan, di bahagian Sri Aman satu kawasan, di bahagian Kuching lima kawasan, di Samarahan tiga kawasan, di bahagian Sarikei dua kawasan yang diwartakan sebagai kawasan jangkitan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah petugas keseluruhan daripada pelbagai jabatan dan agensi yang telah digerakkan untuk tindak balas kawasan rabies yang bermula pada 30 Jun 2017 adalah sebanyak 331 orang. Pecahan petugas adalah seperti berikut:

- (i) DVS Sarawak seramai 102 orang;
- (ii) DVS Sabah seramai 13 orang;
- (iii) DVS Persekutuan seramai 168 orang; dan
- (iv) Majlis Perbandaran Sarawak seramai 48 orang

Hantaran petugas DVS Sabah adalah sehingga 22 Ogos 2017 manakala dari DVS Persekutuan tiada lagi penghantaran petugas sejak Mei 2018 yang akan saya terangkan sebabnya kemudian.

Epidemic curve menunjukkan 20 kes berlaku pada bulan Julai 2018. Kebanyakan kes yang dilaporkan adalah berlaku di bahagian Kuching. *So, the focus now is in Kuching*, dengan izin.

Ada maklumat baru yang saya dapat- jangkitan tertumpu di bahagian Kuching Julai 2018, 19 kes daripada 20 kes adalah daripada bahagian Kuching. Ini bermakna keadaan terkawal. Itu bahasa diplomatik Yang Berhormat, *some circumstances*, dengan izin, sebagai pimpinan kerajaan, *we cannot push a panic button*, dengan izin.

Akan tetapi, dari segi bagaimana kita menghadapi isu ini kita mesti melakukan desakan. Saya hormati tindakan Yang Berhormat Bandar Kuching yang pantas, tuntas dan cekap dalam membawa usul ini dan ini adalah suatu usaha yang saya harap kita dapatkan dilaksanakan dalam kerangka *Concurrent List*, di mana kami bila sahaja mendengar laporan terbaru ini dengan kita menghadapi masalah yang saya tidak boleh sembunyikan dari segi langkah-langkah penjimatan tapi Kementerian Perindustrian dan Asas Tani segera akan menghantar satu petugas yang kita akan bekalkan dengan segala vaksin, peralatan bernilai RM3 juta yang akan sampai ke Kuching dalam masa yang terdekat. Itu komitmen daripada Kerajaan Pusat melalui kementerian- MOA.

Saya ingin menyatakan di sini Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa, dengan izin, *“it takes two to tango”*, ia tidak boleh bertepuk sebelah tangan. Usaha kita untuk menjayakan apa juga operasi ataupun dalam kita membasmi *epidemic* ataupun wabak seperti ini harus ada suatu usaha yang kolektif peranan Kerajaan Pusat, peranan Kerajaan Negeri Sarawak dan juga kita juga sendiri Yang Berhormat yang mewakili kawasan masing-masing.

Ada perkara yang sensitif Yang Berhormat, saya seorang Muslim, yang lain Kristian, Buddha dan seumpamanya. Anjing adalah sesuatu haiwan yang sensitif, ia tidak akan jadi sensitif atau kurang sensitif bila haiwan ini membawa penyakit atau wabak. Maka mudahlah kita memberitahu kepada rakyat tentang bahaya haiwan ini sekiranya dibiarkan. Sama dengan lembu di India dan seumpamanya. Ini yang kami dan kita kena menjaga atas nama sebuah kerajaan.

Apabila kita menguar-uarkan ataupun membuat sesuatu pengumuman untuk semua rakyat khususnya di Bandar Kuching, dan kawasan-kawasan yang terlibat sebelum ini, secara mudahnya langkah pertama ialah melalui media massa, media sosial untuk semua tuan-tuan haiwan ini membawanya dan kita memberikan vaksin. Itu langkah yang pertama.

Akan tetapi Yang Berhormat, mengikut laporan yang kita terima masalah yang paling besar adalah kerjasama daripada tuan haiwan itu sendiri.

Langkah seterusnya apabila haiwan ini kita berikan vaksin ia juga mesti di kuarantin dalam masa tempoh tertentu. Ini proses pendidikan yang berterusan yang mesti kita berikan kepada

rakyat. Itu pada haiwan yang bertuan. Kita alami kesukaran yang pertama ada juga tuan-tuan haiwan ini tidak mahu membawa haiwan mereka kerana ada isu yang lain mungkin terlalu sayang ataupun seumpamanya. Akan tetapi, ia telah menjadi satu wabak yang mesti kita atasi.

Keduanya ialah tentang anjing-anjing yang tidak bertuan. Ini juga satu masalah yang kita hadapi. Anjing-anjing liar ini di mana ada NGO Yang Berhormat di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga aktif di Malaysia ini yang tidak sama sekali mengizinkan penghapusan haiwan.

Dalam kes *bird flu* yang melanda Kota Bharu, Kelantan pada awal tahun lepas juga ada bantahan daripada NGO ini tapi kita memberikan hujahan bahawa tidak mungkin kita sayang kepada satu haiwan, kita korbankan manusia yang lain. Itu tidak betul dari segi sama ada ajaran Islam, ataupun ajaran-ajaran agama yang lain. Yang kita mahukan keselamatan sosial dikongsi secara bersama.

Kemudian kita juga menghadapi bagaimana 25,000 ekor anjing lagi di Sarawak yang besar kemungkinan juga berfokus di Bandar Kuching yang tidak dapat lagi diberikan vaksin. Kerajaan Pusat akan membelanjakan apa yang kita ada sekarang RM3 juta sebagai langkah serta-merta. Kalau perlu saya akan menghadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan segera untuk Perbendaharaan mengeluarkan bajet kecemasan kalau perkara ini serius. Akan tetapi- *money not a problem, for me*. Akan tetapi, tugas kita adalah untuk rakyat bawa keluar anjing mereka. Bila diberikan vaksin mesti mematuhi syarat-syarat kuarantin dan kalau itu juga tidak berlaku, maka kita akan menghadapi masalah yang memang tidak terkawal tetapi kita akan usaha untuk mengawal.

Bagi anjing-anjing liar kita tidak ada pilihan lain. Kita akan tangkap, kalau boleh di tangkap ataupun kalau ia tidak boleh terkawal maka terpulanglah kepada undang-undang sama ada kita menjalankan aktiviti penghapusan pada haiwan ini yang kita akan syaki.

Kemudian halangan yang seterusnya bagi Yang Berhormat Bandar Kuching adalah bagaimana- ini bukan kelemahan bagi saya tapi sesuatu usaha yang mesti kita bina bersama bahawa penubuhan DVS Sarawak hanya dimuktamadkan pada Januari 2017.

■1510

Itu isunya. Akan tetapi saya tidak mengatakan kelemahan secara total kepada kerajaan negeri, ia baru bermula 2017. DVS Sarawak hanya mempunyai 10 orang Pegawai Veterinar, 86 orang staf sokongan. Jadi, kita minta bantuan daripada Sabah, dan kita hantar pasukan lengkap kita daripada Persekutuan.

Satu isu lagi Yang Berhormat adalah bagaimana apabila kita mengambil sampel daripada haiwan ini, kita kena hantar ke Ipoh. *Lab* ada di Sarawak, di Kuching tetapi tidak mencukupi. Oleh sebab itu dalam bajet yang lepas, saya baca dengan teliti, memang telah ada permohonan dan Kabinet luluskan RM18 juta untuk membantu Sarawak termasuklah untuk *upgrade lab* itu supaya tidak lagi setiap sampel itu perlu dihantar ke Ipoh. Hendak hantar sampel itu perlu dihantar dengan orang, kena kos dan kena tunggu masa. Jadi, ini adalah langkah-langkah yang pada masa akan datang yang saya rasa kerajaan bertanggungjawab di bawah kementerian ini untuk membuat apa sahaja untuk kita mengambil langkah-langkah yang proaktif ke arah mengawal wabak ini.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching, seorang Ahli Yang Berhormat yang begitu proaktif, orang muda, masih mempunyai masa hadapan. Juga Yang Berhormat Puncak Borneo, teruskan usaha yang baik.

Ini sahaja penjelasan dari pihak kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya tutup perbahasan. Terima kasih kepada semua.

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Pembinaan Kompleks Sukan Tenom

3.12 ptg.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Selamat petang dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu isu mengenai Kompleks Sukan Tenom yang menjadi antara perhatian utama di kawasan Parlimen Tenom sejak sekian lama.

Kompleks Sukan Tenom telah berusia lebih 50 tahun dan adalah menjadi satu keperluan yang sangat mendesak untuk daerah Tenom. Kompleks ini terlalu daif, sangat uzur dan hampir semua seni binanya berasaskan kayu. Apa yang menjadi masalah besar kepada penduduk di sini adalah kemudahan kompleks sukan ini sudah tidak selamat dan mengundang risiko kepada pengguna kompleks berkenaan dan tidak mencerminkan semangat riadah dan kesukanan untuk penduduk daerah Tenom.

Untuk makluman, penduduk Tenom yang menggunakan kompleks ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan telah melahirkan ramai atlet sukan dari peringkat sekolah, daerah, negeri hingga kebangsaan. Keadaan kompleks sukan yang rosak teruk, begitu usang dan sangat daif menimbulkan rasa tidak puas hati dan ketidakselesaan kepada penduduk yang menggunakan segala kemudahan di kompleks ini.

Antara kerosakan yang jelas dilihat ialah keseluruhan tempat duduk penonton yang rosak teruk; bumbung kompleks sukan yang hampir runtuh, rosak dan berbahaya; peralatan sukan tidak boleh digunakan langsung; kawasan trek yang rosak, berlubang dan keras; padang yang tidak terjaga, tidak rata dan tidak selamat; tandas yang ada dalam kompleks juga rosak; kawasan meletakkan kenderaan tidak selamat.

Sebelum ini, kerajaan terdahulu telah berjanji akan membina semula Kompleks Sukan Tenom serta kementerian telah melawat dan membuat kajian terhadap pembinaan dan keadaan kawasan kompleks tersebut. Ini termasuklah lawatan oleh bekas Menterinya, Yang Berhormat Brig. Jen Khairy Jamaluddin dan begitu juga dengan Menteri Belia dan Sukan daripada Kerajaan Negeri Sabah. Hasilnya pihak kerajaan terdahulu telah bersetuju untuk meluluskan projek pembinaan Kompleks Sukan Tenom yang baru, namun rakyat di Tenom masih tertunggu-tunggu dan tertanya-tanya sejak lima tahun yang lalu tetapi tiada tindakan oleh pihak kementerian terdahulu. Mengikut maklumat, peruntukan sudah diluluskan oleh pihak kementerian, tetapi tidak mencukupi kerana kosnya tinggi disebabkan kompleks ini terdedah dengan ancaman banjir. Maka, reka bentuknya perlu diubah dan memerlukan kos tambahan untuk pembinaannya.

Inilah yang menjadi persoalan oleh penduduk dan dilihat seperti janji-janji kosong yang hanya meleakakan rakyat seketika dan akhirnya tidak ada tindakan penyelesaian. Jadi saya hendak tanya kepada kementerian supaya mengambil tindakan segera berdasarkan peruntukan yang sudah diluluskan sebelum ini.

Keperluan Kompleks Sukan Tenom ini amat penting bagi pembangunan belia dan sukan. Ada kalanya penduduk di Tenom terpaksa pergi ke daerah lain untuk menganjurkan sesuatu kejohanan atau aktiviti di peringkat pedalaman seperti di Kompleks Sukan Keningau yang jauhnya hampir 40 kilometer dan mengambil masa satu jam untuk ke daerah tersebut. Bagi saya, ini suatu kerugian dan pembaziran dari segi masa dan wang ringgit kerana terpaksa menyewa dan membayar pelbagai kos untuk ke daerah lain yang mempunyai fasiliti dan kemudahan yang lebih baik serta moden.

Justeru itu, saya menggesa kementerian di bawah Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq mengambil tindakan seberapa segera yang mungkin. Saya mohon juga untuk mendapatkan

penjelasan daripada pihak kementerian, apakah status perkembangan pembinaan Kompleks Sukan Tenom sekarang ini? Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan projek untuk membina kompleks sukan ini akan dapat dilaksanakan? Sekian, terima kasih.

3.16 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom, keprihatinan Yang Berhormat Tenom untuk warga Tenom amat saya sanjung.

Untuk maklumat Yang Berhormat, memang Kementerian Belia dan Sukan sebaik sahaja apabila saya mengambil alih kementerian, telah pun memanggil beberapa mesyuarat untuk menyelaraskan pelan pembangunan infrastruktur sukan yang sedia ada. Pada masa yang sama, untuk menyelenggarakan kemudahan sukan yang juga sedia ada.

Cara kita lakukan perkara tersebut adalah untuk buat *field study*, dengan izin, untuk memastikan bahawa pelan pembangunan sukan tidak sahaja berteraskan kepada satu Parlimen ataupun satu negeri, tetapi pengagihannya dibuat secara adil. Selepas *field study* itu dibuat, kita dimaklumkan bahawa di Tenom itu memang ada kemudahan sukan yang sudah lama dijanjikan tetapi masih belum ditunaikan. KBS memang mempunyai niat selepas itu untuk menaik taraf Kompleks Sukan Tenom dengan skop seperti berikut; naik taraf aras tanah setinggi 1.2 meter, padang bola sepak, balapan dan trek sintetik serta astaka. KBS juga telah pun menghantar cadangan ini kepada pihak EPU (Unit Perancang Ekonomi).

Walau bagaimanapun, kita masih sedang menunggu kelulusan terhadap Kementerian Kewangan sebelum perancangan ini dapat dimuktamadkan. Kementerian akan cuba sebaik mungkin untuk memastikan bahawa keprihatinan Yang Berhormat dapat diterjemahkan dalam pembangunan sukan, khususnya dalam menyelia, menyelenggarakan dan menaik taraf Kompleks Sukan Tenom supaya rakyat di Tenom dapat bersama menyertai *sporting nation* yang ingin kita bawa melalui Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

Masalah Bekalan Air di FELDA Bukit Sagu

3.18 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin membangkitkan isu permasalahan berkaitan bekalan air di FELDA Bukit Sagu, Pahang. Isu setempat yang saya bangkitkan ini berhubung kait dengan masalah bekalan air harian rakyat Paya Besar khususnya masyarakat di DUN Sungai Lembing di bawah Parlimen Paya Besar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, akibat fenomena cuaca kemarau yang kerap berlaku, paras air sungai di kawasan sekitar FELDA Bukit Sagu semakin membimbangkan dan berada pada paras yang amat rendah. Situasi ini seterusnya telah menimbulkan masalah bekalan air dan telah menjejaskan kira-kira 2,200 pengguna yang mempunyai akaun dengan pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dan seluruh masyarakat di FELDA Bukit Sagu secara keseluruhannya telah menerima impak.

Dalam mengatasi permasalahan ini, pada tahun 2016, PAIP telah terpaksa mengambil langkah menggunakan pam luaran untuk mengepam air, menyedut dan membekalkan lebih banyak air untuk kegunaan kawasan setempat.

■1520

Namun bermula pada tahun 2017, paras air sungai semakin berkurangan dan keadaan itu mengakibatkan pam luaran air rosak kerana kesan penyedutan mendapan pasir-pasir yang disebabkan oleh paras air yang rendah. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, dalam menyelesaikan masalah ini saya mengucapkan terima kasih kepada pihak FELDA kerana telah melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya pada tahun 2013 FELDA telah memulakan kerja menambah baik Loji Air Sungai Itik yang menelan belanja lebih kurang RM7 juta bagi menaik taraf perkhidmatan. Saya dimaklumkan perbekalan air ini akan lebih efisien.

Seterusnya pada tahun 2015 FELDA meneruskan usaha menambah baik bekalan air dengan memulakan projek menggali telaga yang menelan belanja lebih kurang RM10 juta dengan menggunakan teknik *surface water source*, dengan izin, yang digunakan sebelum ini. Namun sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, projek loji air serta penggalian telaga ini masih tidak dapat digunakan kerana saya difahamkan proses pembinaan loji dan telaga ini tidak mengikuti spesifikasi awal rancangan pembinaan.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta pihak kementerian menjelaskan permasalahan yang timbul yang terletak di bawah seliaan FELDA, saya mahu pihak FELDA menyatakan pendirian mengenai status sebenar dan perkembangan terkini penyelesaian permasalahan pembinaan loji dan telaga di kawasan ini.

Saya berharap kerajaan dapat mengkaji kaedah dan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah ini. Saya juga berharap isu ini dapat diselesaikan dengan kadar segera memandangkan ia melibatkan keperluan asas penduduk, terutamanya waktu perayaan haji yang tidak lama lagi ini Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.22 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Paya Besar, permasalahan bekalan air di FELDA Bukit Sagu Pahang adalah dalam perhatian dan tindakan FELDA. Bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air yang dihadapi oleh penduduk di Gugusan FELDA Bukit Sagu dan kawasan sekitar, FELDA bersama-sama dengan pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) telah bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Sagu daripada kapasiti asal enam juta liter sehari kepada 16 juta liter sehari. Projek tersebut adalah merupakan sebahagian daripada projek menaik taraf sistem bekalan air di seluruh FELDA Negeri Pahang yang bermula pada tahun 2012 dengan peruntukan yang telah diluluskan di dalam RMKe-10 berjumlah RM452 juta.

Kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Sagu telah dimulakan pada 3 Jun 2013 dan telah siap pada 31 Ogos 2015 dengan kos berjumlah RM17.6 juta. Walau bagaimanapun, loji tersebut masih tidak dapat beroperasi disebabkan masalah bekalan air mentah daripada muka sauk tidak dapat disalurkan seperti mana kapasiti yang baru. Satu kajian telah dibuat bagi mencari kaedah baru untuk menggantikan teknik sedia ada dan didapati sistem yang sesuai untuk dilaksanakan adalah menggunakan teknik mendapatkan air daripada bawah sungai iaitu *riverbank filtration* (RBF).

Kerja-kerja menggali telaga untuk mendapatkan bekalan air mentah telah dimulakan pada 14 Disember 2015 dan tarikh sepatutnya siap projek ini adalah pada 18 September 2016 dengan nilai projek sehingga kini berjumlah RM7.1 juta. Saya dimaklumkan, fizikal projek ini telah siap sepenuhnya. Apabila fizikal projek ini telah siap ataupun setelah telaga dan muka sauk tersebut

disiapkan, proses *testing and commissioning*, dengan izin, diadakan di antara pihak kontraktor utama paip dan juga juru perunding.

Beberapa isu telah timbul di mana didapati sistem *level sensor*, dengan izin, gagal berfungsi dan menyebabkan pam terhenti sebelum ujian tamat. Sesi T&C tersebut dianggap tidak berjaya kerana keupayaan telaga tidak dapat diperolehi seperti mana kehendak kontrak iaitu dapat membekalkan air mentah sebanyak minimum 18 juta liter sehari dan pihak kontraktor perlu melaksanakan kerja pembaikan seperti mana ulasan daripada pihak PAIP. Lanjutan daripada kegagalan tersebut, beberapa siri perbincangan, ujian dan *fine tuning* telah dilaksanakan untuk mendapatkan bacaan *flow rate* serta kapasiti air seperti yang dinyatakan dalam kontrak.

Sesi pra T&C seterusnya telah diadakan pada 5 Julai 2018 selama lima jam dan didapati *flow rate* yang diperolehi adalah antara 640 meter padu sejam sehingga 800 meter padu sejam iaitu di antara julat yang dikehendaki untuk mencapai kapasiti minimum sebanyak 18 juta liter sehari. Namun yang demikian, T&C yang sepatutnya diadakan adalah untuk tempoh dua minggu bukannya beberapa jam. Jadi, sesi T&C penuh dijangka akan diadakan pada bulan Ogos 2018, bergantung kepada tarikh dan masa yang sesuai yang akan diberikan oleh pihak PAIP bagi memastikan penyaluran bekalan daripada loji sedia ada kepada penduduk tidak terjejas.

Projek menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Sagu ini dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya pada bulan Oktober 2018 dan dapat diserahkan kepada pihak PAIP selewat-lewatnya penghujung tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, Rabu 15 Ogos 2018.

Terima kasih kepada semua *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Sesi Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.26 petang]